

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 AUGUST 2016

# Kekalahan di Sepang jadi pengajaran: Najib

BH - 7/8/2016

➔ Perpecahan  
ahli boleh jejas  
sokongan  
pengundi

Oleh Magendran Rajagopal  
dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

► Sepang

**K**ekalahan UMNO di Sepang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menjadi pengajaran bahawa perpecahan dalam kalangan ahli boleh menjejaskan sokongan pengundi kepada parti, kata Datuk Seri Najib Razak.

Tambah Presiden UMNO, kekalahan itu mendorong UMNO dan Barisan Nasional (BN) melakukan pemilihan calon dengan lebih teliti dan terpaksa melalui pelbagai tapisan berbanding kaedah sebelum ini yang mengutamakan calon boleh menang atau *winnable candidate*.

“Kesedaran inilah yang memberi kita kemenangan selesa dengan majoriti 9,191 undi pada pilihan raya

kecil (PRK) Sungai Besar baru-baru ini. Kita dinaikkan semangat, diberi satu tiupan nafas yang lebih segar, sekali gus memecah tembok kemustahilan dalam pemikiran kita bahawa Selangor ini tidak mungkin dirampas balik oleh BN.

“Saya juga melihat faktor calon menjadi penyumbang utama bagi kemenangan sesebuah pilihan raya. Keputusan meletakkan Budiman Mohd Zuhdi sebagai calon PRK Sungai Besar sangat tepat dan kita peroleh kemenangan bergaya.

## Rampas semula Selangor

“UMNO Selangor kini sudah ada jentera yang kuat. Tumpuan utama kini adalah untuk merampas semula Selangor pada pilihan raya umum akan datang,” kata Perdana Menteri ketika merasmikan Majlis Pelancaran Serentak Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian-Bahagian dan Sayap Seluruh Selangor, di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar; Ketua Wanita Selangor, Datuk Norhayati Onn; Ketua Pemuda Selangor, Zainuri Zainal serta Ketua UMNO Sepang, Datuk Marsum Paing.

Buat julung kali, acara yang bermula sebagai Mesyuarat Perwakilan

UMNO Sepang berkembang menjadi perasmian Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan sayap UMNO peringkat Selangor.

## Perpecahan dalaman

Najib menjelaskan, beliau memilih Sepang kerana pengalaman di Parlimen itu ketika PRU-13 di mana dua pemimpin peringkat bahagian bertindak bertanding sebagai calon bebas menunjukkan kelemahan UMNO kerana perpecahan dalaman dan bukan kerana lawan yang kuat.

Malah, katanya, sekiranya undi yang diterima dua calon bebas itu dicampur dengan undi rosak dan yang diterima calon UMNO, parti itu dapat beroleh kemenangan selesa pada PRU-13, sekali gus membuktikan kalau berlaku perpecahan pada peringkat bahagian, UMNO akan tewas dalam pilihan raya.

“Ini amat jelas bila kita hitung majoriti kekalahan calon UMNO pada peringkat Parlimen Sepang, kita kalah dengan majoriti agak kecil iaitu 1,100 undi sedangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil di dalam Parlimen Sepang, Shahrum Mohd Sharif, menang dengan majoriti 2,317 undi,” katanya sambil menambah kekalahan itu perlu dijadikan pengajaran.